BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 11/10/10

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Isnin, 22 November 2010

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 5.3% pada suku ketiga

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak [5.3%] pada suku ketiga tahun 2010, didorong oleh permintaan dalam negeri dalam keadaan permintaan luar negeri yang semakin lembap. Peningkatan permintaan dalam negeri disokong oleh perbelanjaan sektor swasta. Kelembapan ekonomi global telah menyebabkan permintaan luar negeri menjadi sederhana. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi utama, kecuali perlombongan, terus berkembang sepanjang suku itu, namun pada kadar yang lebih sederhana.

Permintaan dalam negeri telah berkembang sebanyak 5% pada suku ketiga (S2 10: 9%), disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang berterusan dalam penggunaan swasta dan perbelanjaan modal. Penggunaan swasta mencatat pertumbuhan sebanyak 7.1% (S2 10: 7.9%%) disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan dan keyakinan pengguna yang positif. Penggunaan awam menurun sebanyak 10.2% (S2 10: 6.9%) disebabkan oleh perbelanjaan Kerajaan yang lebih rendah untuk bekalan dan perkhidmatan. Pembentukan modal tetap kasar berkembang dengan kukuh sebanyak 9.8% (S2 10: 12.9%) didorong oleh perbelanjaan modal sektor swasta. Perbelanjaan modal sektor swasta disokong oleh peningkatan pengeluaran dalam negeri dalam keadaan tahap penggunaan kapasiti yang tinggi dan sentimen perniagaan yang positif.

Dari segi penawaran, sektor ekonomi utama, kecuali perlombongan, terus berkembang walaupun pada kadar yang lebih sederhana. Sektor perkilangan mencatat pertumbuhan yang sederhana 7.5% (S2 10: 16.0%), mencerminkan terutamanya pertumbuhan yang lebih perlahan dalam permintaan luar. Sektor perkhidmatan terus berdaya tahan, dengan pertumbuhan sebanyak 5.4% (S2 10: 7.3%), hasil daripada keadaan permintaan dalam negeri yang menggalakkan. Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan sebanyak 2.8% (S2 10: 4.1%), didorong oleh pertumbuhan dalam subsektor bukan kediaman dan kejuruteraan awam. Sementara itu, pertumbuhan dalam sektor pertanian meningkat kepada 2.7% (S2 10: 2.4%), berikutan pengeluaran minyak sawit mentah dan getah yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, sektor perlombongan menguncup sebanyak 1.0% (S2 10: 1.1%) memandangkan

pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah telah mengimbangi pengeluaran gas asli yang lebih tinggi.

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur melalui perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 1.9% pada kadar tahunan pada suku ketiga 2010 (S2 10: 1.6%). Kenaikan harga pengguna ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga *makanan dan minuman tanpa alkohol* (S3 10: 2.9%; S2 10: 2.4%).

Dalam sektor luaran, lebihan perdagangan terus mengecil kepada RM22.3 bilion (S2 10: RM23.4 bilion) pada suku ketiga. Kedua-dua eksport dan import kasar meningkat pada kadar yang lebih sederhana masing-masing sebanyak 10.4% dan 16.5% (S2 10: masing-masing 21.7% dan 30.3%), sejajar dengan persekitaran luar negeri yang lebih lemah. Pertumbuhan yang lebih perlahan dalam eksport kasar disebabkan terutamanya oleh eksport keluaran perkilangan yang lebih rendah, mencerminkan permintaan global yang lebih lemah terhadap keluaran E&E, terutamanya separa konduktor. Pertumbuhan import kasar yang sederhana dicerminkan dalam import barangan pengantara yang meningkat pada kadar yang lebih perlahan sejajar dengan eksport perkilangan yang lebih sederhana. Import barangan modal meningkat kukuh, disokong oleh perbelanjaan pelaburan awam dan perniagaan yang berterusan. Import barangan penggunaan berkembang pada kadar yang sederhana manakala import makanan dan minuman utama, serta kenderaan bermotor kekal kukuh, mencerminkan sentimen pengguna yang positif.

Pada asas tunai, aliran masuk pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI)[1] kasar adalah lebih tinggi pada RM8.9 bilion pada suku ketiga (S2 10: +RM5.3 bilion), mencerminkan terutamanya aliran masuk modal ekuiti dan pengeluaran pinjaman antara syarikat yang lebih besar. Selepas membuat pelarasan bagi aliran keluar kasar yang disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman antara syarikat, FDI bersih meningkat lebih daripada dua kali ganda kepada RM5.0 bilion (S2 10: +RM2.4 bilion). Pelaburan langsung luar negeri (direct investmen abroad, DIA*) oleh syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM4.9 bilion (S2 10: -RM3.1 bilion) disebabkan oleh modal ekuiti yang lebih tinggi dan pemberian pinjaman bersih antara syarikat kepada syarikat subsidiari di luar negeri. Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih yang lebih besar sebanyak RM9.3 bilion (S2 10: +RM6.3 bilion), mencerminkan minat asing yang kukuh terhadap pasaran modal dalam negeri pada suku ketiga, terutamanya pasaran ekuiti. Aliran masuk dana portfolio terus didorong oleh prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia yang menggalakkan dalam keadaan ringgit yang bertambah kukuh.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM310.8 bilion (bersamaan dengan USD100.7 bilion) pada 30 September 2010. Paras rizab

[1] Statistik bagi FDI dan DIA pada asas tunai tidak termasuk perolehan tertahan.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

ini telah mengambil kira pelarasan suku tahun bagi kerugian penilaian semula pertukaran asing, berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan kebanyakan mata wang utama pada suku itu. Pada 15 November 2010, kedudukan rizab berjumlah RM326.5 bilion (bersamaan dengan USD105.8 bilion), memadai untuk membiayai 8.8 bulan import tertangguh dan ialah 4 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar Monetari menyokong aktiviti ekonomi

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dinaikkan sebanyak 25 mata asas pada bulan Julai 2010, menjadikan pelarasan OPR secara kumulatif untuk keseluruhan tahun kepada 75 mata asas sehingga ini. OPR dinaikkan bagi mengembalikan keadaan monetari pada kedudukan yang wajar, seiring dengan prospek ekonomi yang bertambah baik. Pada bulan September dan November, OPR dikekalkan pada 2.75%. Pada paras semasa OPR ini, dasar monetari kekal akomodatif dan paras kadar faedah secara keseluruhan adalah wajar dan konsisten dengan penilaian mengenai prospek pertumbuhan dan inflasi.

Susulan kenaikan OPR pada 8 Julai 2010, kadar antara bank semalaman purata diniagakan lebih tinggi dan kadar antara bank bagi tempoh matang yang lain turut meningkat. Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas purata dan kadar pinjaman purata telah dinaikkan. Kadar deposit tetap purata juga meningkat sejajar dengan kenaikan OPR.

Pembiayaan bagi ekonomi kekal mencukupi untuk kesemua segmen ekonomi. Kos peminjaman yang berpatutan serta mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem kewangan menyokong permintaan terhadap pembiayaan daripada sektor awam dan swasta. Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM189.5 bilion pada suku ketiga (S2 10: RM203.4 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat sebanyak 11% pada akhir bulan September (S2 10: 11.2%). Kesemua penunjuk pinjaman utama kekal kukuh pada suku ketiga.

Dana bersih yang diperoleh sektor awam dan swasta dalam pasaran modal berjumlah RM16.9 bilion pada suku ketiga (S2 10: RM17.6 bilion). Dalam sektor swasta, aktiviti pemerolehan dana terutamanya adalah melalui pasaran bon. Dalam sektor awam, dana diperoleh melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII).

Agregat monetari terus berkembang dengan mampan pada suku ketiga. Wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 8.5% pada akhir bulan September 2010 (akhir bulan Jun 2010: 8.8%).

Pada suku ketiga, ringgit menambah nilai sebanyak 5.5% berbanding dengan dolar AS disebabkan prospek ekonomi yang berbeza antara Asia dengan

ekonomi maju yang telah merangsang sentimen pelabur terhadap ekonomi dan pasaran kewangan serantau. Di dalam negeri, pemulihan ekonomi yang kukuh dan liberalisasi selanjutnya dalam peraturan pentadbiran pertukaran wang asing juga telah meningkatkan sentimen pelabur. Ringgit menambah nilai berbanding dengan paun sterling (0.4%) tetapi menyusut nilai sedikit berbanding dengan yen Jepun (-0.4%). Euro bertambah kukuh berbanding dengan kebanyakan mata wang pada suku ketiga berikutan tanda-tanda kebimbangan terhadap hutang Kerajaan berkemungkinan reda. Ringgit menyusut nilai berbanding dengan euro (-5.2%). Walau bagaimanapun, sejak akhir suku ketiga, euro menyusut nilai sedikit berikutan kebimbangan baharu terhadap masalah hutang Kerajaan. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan renminbi China (4%) dan rupiah Indonesia (3.7%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan won Korea (-1.9%), baht Thailand (-1.1%), dolar Singapura (-0.9%) dan peso Filipina (-0.2%).

Kestabilan kewangan kekal tidak berubah

Kedudukan sistem kewangan terus stabil sepanjang suku ketiga. Institusi kewangan yang kukuh dan pasaran kewangan yang berfungsi dengan baik terus menyokong aktiviti pembiayaan dalam ekonomi dalam negeri.

Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing terus kukuh pada 14.8% dan 13.1%. Lebihan modal yang melebihi keperluan minimum 8% bagi RWCR berjumlah RM64 bilion. Sementara itu, kualiti portfolio pinjaman kekal tidak berubah, disokong oleh perlindungan kerugian pinjaman yang tinggi sebanyak 95.4%. Keuntungan sebelum cukai pada suku tersebut meningkat berikutan pendapatan faedah dan pembiayaan bersih serta hasil yang berkaitan dengan aktiviti pembiayaan yang lebih tinggi, menghasilkan pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing pada 1.6% dan 16.6%.

Nisbah Kecukupan Modal bagi industri insurans adalah pada 222.7%. Keuntungan keseluruhan bagi penanggung insurans dan pengendali takaful meningkat kepada RM5.6 bilion bagi suku tersebut, disebabkan prestasi pelaburan yang lebih baik dan pembayaran tuntutan yang memuaskan dalam segmen perniagaan am serta perniagaan yang terus berkembang.

Ekonomi dalam negeri akan terus pulih dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu

Melangkah ke hadapan, ketidakpastian berhubung dengan kemampanan pemulihan ekonomi global semakin ketara. Ketika ekonomi maju terus menghadapi cabaran dari segi pasaran pekerja dan sektor kewangan yang lemah, timbul kebimbangan terhadap fleksibilti dasar yang terhad memandangkan wujudnya keperluan dalam jangka terdekat untuk memulihkan kedudukan fiskal. Sebaliknya, kebanyakan ekonomi Asia terus mencatat pemulihan yang teguh, disokong oleh aktiviti dalam negeri yang kukuh. Cabaran baharu yang timbul kini ialah kemasukan aliran masuk modal

besar dan tidak menentu ke dalam ekonomi serantau. Melangkah ke hadapan, langkah pelonggaran kuantitatif oleh bank pusat utama akan terus memberikan kesan yang ketara terhadap magnitud aliran modal ke dalam ekonomi sedang pesat membangun, yang akan memberikan cabaran dalam pelaksanaan dasar ekonomi makro. Beberapa negara serantau dan Amerika Latin sudah pun melaksanakan langkah kehematan makro dan pentadbiran untuk mengekalkan kestabilan kewangan.

Dalam keadaan pemulihan ekonomi global yang lebih sederhana, kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia akan dipengaruhi oleh jangkaan bahawa permintaan luar akan terus lembap. Pertumbuhan keseluruhan akan terus disokong oleh aktiviti ekonomi dalam negeri yang kukuh. Penggunaan swasta akan memperoleh manfaat daripada keadaan guna tenaga yang menggalakkan, harga komoditi yang kukuh dan keadaan pembiayaan yang akomodatif. Sementara itu, perbelanjaan modal dalam sektor berorientasikan dalam negeri dan program transformasi ekonomi Kerajaan akan menyokong pertumbuhan yang berterusan pelaburan swasta.

Bank Negara Malaysia
22 November 2010

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my